53

NO. SOALAN : ~~16~~ 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]

TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN : 28

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Tenaga Nasional Berhad mengutip sumbangan modal (*capital contribution*) ke atas pemasangan elektrik satu projek perumahan apabila siap dibina seperti dikutip oleh SESB di negeri Sabah. Apakah rasional menentukan bayaran tersebut yang didakwa akan meningkatkan kos pembinaan setiap rumah yang baru.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Caj Sambungan Pengguna (CSP) merupakan bayaran awal yang dijelaskan oleh pengguna untuk menampung kos infrastruktur bekalan elektrik, yang juga merupakan satu bentuk yuran komitmen atau *commitment fee* dengan izin, untuk mendapatkan bekalan elektrik daripada pihak utiliti. Dalam hal ini, setiap utiliti mempunyai kaedah tersendiri dalam menetapkan CSP berdasarkan kepada formula yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Perkara ini adalah tertakluk di bawah Seksyen 27, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2001. Dalam hubungan ini juga, CSP turut diamalkan oleh kebanyakan pihak utiliti di negara-negara lain, tetapi melalui kaedah berbeza mengikut keperluan masing-masing.

2. Dalam hal ini, kaedah pengiraan CSP bagi TNB di Semenanjung adalah berbeza daripada kaedah yang digunapakai oleh SESB di Negeri Sabah. Bagi TNB, sebahagian besar perbelanjaan kos modal iaitu lebih kurang 75% daripada jumlah kos terlibat adalah dikutip melalui kadar

tarif elektrik. Oleh itu, ia membolehkan TNB mengenakan CSP berdasarkan kadar tetap mengikut tahap voltan yang dipohon pengguna.

3. Kadar tetap CSP yang dikenakan oleh TNB adalah berpandukan kepada Buku Kenyataan Cas Sambungan yang diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 1995. Kadar ini belum pernah disemak semenjak 20 tahun meskipun kos membekalkan elektrik telah meningkat berlipat kali ganda seperti kos kabel, alat ubah dan lain-lain peralatan. Kadar CSP yang dikenakan oleh TNB kepada rumah-rumah pada ketika ini adalah berpatutan. Untuk rumah satu fasa talian atas, kadar CSP adalah RM450/unit, manakala rumah 3 fasa talian atas pula dicajkan sebanyak RM750/unit. Untuk projek-projek perumahan yang diklasifikasikan oleh Kerajaan sebagai rumah kos rendah, kadar CSP adalah lebih murah iaitu sebanyak RM250/unit.

4. Bagi Sabah pula, pihak utiliti ialah Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB), masih belum memperolehi kadar pulangan yang dapat menampung perbelanjaan kos modalnya. Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan telah membenarkan SESB mengenakan CSP mengikut kos modal sebenar yang diperlukan bagi penyambungan bekalan elektrik kepada pengguna. Bagaimanapun mulai 1 Januari 2014, Kerajaan telah

meluluskan supaya CSP dikurangkan sebanyak 50% kepada pengguna yang layak.

57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]

TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN : 29

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

(a) kesan daripada pengisytiharan status mangsa MH370; dan

(b) kedudukan dan situasi terkini usaha penstrukturan semula MAS sebagaimana yang diumumkan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejajar dengan pengisytiharan status mangsa MH370 sebagai satu kemalangan, pihak MAS telah memaklumkan waris/keluarga penumpang (*Next of Kin*) pesawat MH370 pada 29 Januari 2015 berhubung kesediaan pihak MAS untuk mengadakan rundingan mengenai bayaran pampasan penuh.

Sehingga 6 Mac 2015, seramai 3 orang waris/keluarga penumpang pesawat MH370 telah menyatakan kesediaan untuk mengadakan rundingan tersebut. Kesinambungan daripada pengisytiharaan kemalangan tersebut juga, ia membuka ruang yang lebih luas kepada ahli keluarga waris penumpang dan anak kapal pesawat MH370 untuk mendapatkan bantuan yang diperlukan di dalam meneruskan kehidupan seharian mereka terutama perkara-perkara yang berkaitan dengan penumpang dan anak kapal pesawat MH370 seperti permohonan bagi mendapatkan Perintah Anggapan Kematian daripada Mahkamah dan seterusnya Perakuan Anggapan Kematian daripada pihak Jabatan Pendaftaran Negara, urusan tuntutan insuran dengan pihak Insuran yang berkaitan, pengeluaran wang simpanan penumpang dan anak kapal pesawat MH370 di institusi-institusi kewangan termasuk di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, *Social Security Organisation* (SOCSO) dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selepas pengumuman Pelan Pemulihan MAS (PPM) pada 29 Ogos 2014 dan seterusnya Laporan Perkembangan Sukuan Pelan Pemulihan MAS yang pertama pada 28 November 2014, beberapa pencapaian utama telah berjaya dilakar termasuk kejayaan memperoleh kelulusan pemegang saham minoriti bagi pelaksanaan pengurangan modal secara terpilih (SCR) yang dicadang oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah), penubuhan syarikat baru (NewCo) iaitu Malaysia Airlines Bhd serta kelulusan Rang Undang-Undang Malaysian Airline System Bhd (Pentadbiran) 2014 oleh Dewan Rakyat.

Beberapa kemajuan dan pencapaian utama lain juga telah berjaya dicatat pada sukuan kedua seperti berikut:

a) Bayaran berjumlah RM1.38 bilion telah dibuat kepada pemegang saham lanjutan daripada kelulusan SCR sebagai sebahagian daripada fasa pertama pendanaan pelaburan bersyarat berjumlah sehingga RM2.0 bilion;

b) Saham MAS telah dinyahsenarai daripada Bursa Malaysia pada 31 Disember 2014;

c) Akta Malaysian Airline System Bhd (Pentadbiran) 2015 (Akta MAS) dikuatkuasakan pada 20 Februari 2015 setelah diluluskan di Parlimen;

d) Christoph Mueller secara rasminya telah memulakan tugas sebagai CEO Malaysia Airlines Bhd (NewCo) pada 1 Mac 2015. Beliau kini memegang jawatan sebagai

Pengarah Bukan Eksekutif MAS lanjutan daripada pelantikan beliau pada 1 Januari 2015;

e) Sebanyak 4,000 kontrak telah dikenal pasti dalam kajian semula menyeluruh kontrak-kontrak MAS untuk diserah hak (*novation*), ditamatkan dan dirunding semula. MAS kini sedang berunding dengan Brahim's Airline Catering Sdn Bhd (BAC) untuk menandatangani perjanjian katering baru. MAS dan BAC telah pun memeterai Perjanjian Penyelesaian (*Settlement Agreement*) pada 26 Februari 2015 bagi tempoh sementara bermula 1 Oktober 2014 hingga 31 Mac 2015. Perjanjian tersebut akan menyaksikan pengurangan kos bulanan dalam tempoh tersebut selain penyelesaian bagi jumlah kos tertunggak secara keseluruhan;

f) Pusat Pembangunan Korporat atau *Corporate Development Centre* (CDC), yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Latihan Semula Korporat akan mula beroperasi pada 1 April 2015. Pusat pembangunan tersebut akan menyediakan peluang latihan dan penempatan semula bagi kakitangan MAS yang tidak diserap ke NewCo;

g) Perpindahan kakitangan daripada Subang ke Bangunan Kemudahan Sokongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dijadualkan akan bermula pada Mei 2015; dan

h) Panel Perundingan Pekerja atau *Employee Consultative Panel* (ECP) telah mengadakan dua mesyuarat pada 8 Disember 2014 dan 17 Februari 2015 yang dihadiri oleh wakil bagi semua kesatuan sekerja, persatuan kakitangan dan wakil kakitangan yang tidak termasuk dalam kesatuan sekerja. Mereka yang hadir diberi penerangan tentang status terkini berkaitan PPM, pengumuman barisan kepimpinan, kaedah penilaian bakat, CDC, program ulasan bakat, skim pemisahan pekerja, penggajian NewCo dan pengurusan peringkat peralihan.

Khazanah akan terus memaklumkan kepada pihak awam mengenai status kemajuan PPM secara berkala dalam tempoh lima tahun akan datang sehingga 2020. Pada 2 Mac 2015, Khazanah telah membentangkan Laporan Perkembangan Sukuan Pelan Pemulihan MAS yang kedua.